CUEPACS

KHAS UNTUK PENJAWAT AWAM PERSEKUTUAN & NEGERI, BADAN-BADAN BERKANUN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

FWD takaful



MANFAAT DIPERTINGKATKAN

Program Takaful Penghospitalan & Pembedahan

CUEPACSCAREPlus

Program Takaful Penghospitalan & Pembedahan

Perutusan Presiden CUEPACS

CUEPACS telah melancarkan Program Takaful CuepacsCare dengan kerjasama Medicare Assistance Sdn Bhd pada tahun 1999 sebagai inisiatif untuk memberi alternatif kepada Penjawat Awam bersama keluarga mendapatkan rawatan di hospital pakar swasta melalui kadar sumbangan yang mampu disertai.

Walaupun dengan kadar sumbangan bulanan yang rendah, program ini tetap mampu memberikan perlindungan komprehensif kepada Penjawat Awam sesuai dengan kemampuan serta keperluan kesihatan semasa kepada pelbagai peringkat Penjawat Awam. Sehingga kini lebih 120,000 peserta telah menerima manfaat dengan nilai tuntutan kira-kira RM440 juta.

23 tahun CuepacsCare bersama Penjawat Awam, Medicare Assistance telah mengorak langkah ke hadapan dan menambahbaik program ini dengan memperkenalkan Program Takaful CUEPACSCAREPlus bagi membolehkan Penjawat Awam menikmati perlindungan yang dipertingkatkan sesuai dengan keperluan semasa.

CUEPACS mengucapkan setinggi tahniah dan penghargaan kepada FWD Takaful Berhad kerana berjaya memperkenalkan Program Takaful CUEPACSCAREPlus ini sekali gus mempertingkatkan kesejahteraan Penjawat Awam.

CUEPACS berharap semua Penjawat Awam mengambil peluang menyertai Program Takaful CUEPACSCAREPlus demi kesejahteraan diri sendiri dan keluarga masing-masing.

Yang Ikhlas,
Dato' Haji Adnan bin Mat
Presiden CUEPACS

Keistimewaan CUEPACSCAREPlus 5+1

1 Mudah Digunakan

Diterima lebih 70 panel hospital pakar swasta di seluruh Malaysia.

2 Melindungi Individu dan Seisi Keluarga

Tiada had untuk bilangan anak melalui satu Pelan Keluarga.

3 Manfaat Komprehensif

Melindungi kos rawatan dari pra penghospitalan, penghospitalan dan rawatan susulan.

4 Mampu Dimiliki

Kadar sumbangan yang mampu dimiliki.

5 Mudah Disertai

Sumbangan bulanan melalui Biro Angkasa dan bantuan penyertaan daripada Pusat Khidmat Pelanggan.

+1 Manfaat Dipertingkatkan

Nilai perlindungan dipertingkatkan untuk menepati keperluan kesihatan semasa.

Objektif CUEPACSCAREPlus

Saban tahun kos penjagaan kesihatan sentiasa meningkat seiring dengan kemajuan dalam teknologi baharu yang diperkenalkan untuk merawat pelbagai penyakit. Gaya hidup tidak sihat yang mengakibatkan peningkatan kes penyakit tidak berjangkit turut menyumbang kepada kenaikan kos ini disebabkan semakin ramai orang yang memerlukan rawatan perubatan.

Menyedari hakikat ini, CUEPACS dengan kerjasama Medicare Assistance Sdn Bhd telah memperkenalkan Program Takaful CUEPACSCAREPlus bagi membolehkan Penjawat Awam menikmati perlindungan kesihatan lebih komprehensif dengan manfaat yang dipertingkatkan untuk menepati keperluan semasa.

5 +1

Keistimewaan CUEPACSCAREPlus



+1 MANFAAT DIPERTINGKATKAN

Penjawat Awam tidak perlu bimbang dengan kos penjagaan kesihatan yang sentiasa meningkat saban tahun di hospital pakar swasta kerana pelan CUEPACSCAREPlus memberi perlindungan yang lebih komprehensif dengan nilai manfaat yang telah dipertingkatkan seperti berikut:

- ✓ Had Perlindungan Tahunan
- ✓ Kadar Bilik & Penginapan Hospital
- ✓ Perbelanjaan Pra Penghospitalan & Rawatan Susulan
- ✓ Had Perlindungan Bagi Setiap Ketidakupayaan
- ✓ Rawatan Pesakit Luar Bagi Kemalangan
- ✓ Rawatan Pesakit Luar untuk Kanser dan Dialisis Buah Pinggang

Had Perlindungan CUEPACSCAREPlus Yang Lebih Tinggi Dengan Dua Pilihan Manfaat A Atau B

HAD PERLINDUNGAN CUEPACSCAREPlus			
Pelan & Manfaat		Setiap Ketidakupayaan	Had Tahunan
INDIVIDU	A	RM50,000	RM60,000
	B	RM100,000	RM100,000
KELUARGA	A	RM50,000	RM120,000
	B	RM100,000	RM180,000

SETIAP KETIDAKUPAYAAN adalah penghospitalan untuk penyakit yang sama dan komplikasinya dalam tempoh 90 hari. JUMLAH HAD TAHUNAN yang ditetapkan tidak akan berganda jika ahli tidak menggunakannya.

Jadual Manfaat Peserta & Keluarga
CUEPACSCAREPlus

Manfaat Asas	PELAN INDIVIDU		PELAN KELUARGA	
	Manfaat A	Manfaat B	Manfaat A	Manfaat B
Perbelanjaan Hospital	▼	▼	▼	▼
• Bilik & Penginapan Hospital (maksimum sehingga 150 hari) ▸	RM200	RM250	RM200	RM250
• Unit Rawatan Rapi (maksimum sehingga 60 hari) ▸	RM400	RM500	RM400	RM500
• Bekalan dan Khidmat Hospital • Bayaran Ambulans ▸	Ditanggung Kos sebenar yang dikenakan (tertakluk kepada had maksimum)		Ditanggung Kos sebenar yang dikenakan (tertakluk kepada had maksimum)	
Perbelanjaan Pembedahan • Ujian Diagnostik Pra Pembedahan (dalam tempoh 60 hari sebelum penginapan hospital) • Bayaran Pembedahan (rawatan pra pembedahan sehingga 60 hari dan rawatan selepas pembedahan sehingga 60 hari dari tarikh pembedahan) • Bayaran Pakar Bius • Bayaran Bilik Bedah • Pembedahan Harian **Perbelanjaan Bukan Pembedahan** • Ujian Diagnostik Pra Hospital (dalam tempoh 60 hari sebelum penginapan hospital) • Rundingan Pakar Pra Hospital (dalam tempoh 60 hari sebelum penginapan hospital) • Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (maksimum sehingga 150 hari, maksimum 2 lawatan sehari) • Rawatan Susulan Selepas Penghospitalan (dalam 60 hari dari tarikh keluar dari hospital) ▸	Untuk Bantuan Pendaftaran dan Isi Borang WhatsApp Ke : 017 - 9656 935 (Zul - Wakil Pemasaran) Ditanggung Kos sebenar yang dikenakan (tertakluk kepada had maksimum)		Ditanggung Kos sebenar yang dikenakan (tertakluk kepada had maksimum)	
Manfaat Lain				
• Rawatan Pesakit Luar bagi Kemalangan (dalam tempoh 24 jam dan rawatan susulan sehingga 30 hari) ▸	Ditanggung Kos sebenar yang dikenakan (tertakluk kepada had maksimum)		Ditanggung Kos sebenar yang dikenakan (tertakluk kepada had maksimum)	
• Bayaran Laporan Perubatan • Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan (maksimum 150 hari) ▸	RM100		RM100	
• Pemindahan organ (penerima organ sahaja) (buah pinggang, jantung, paru-paru, hati, sumsum tulang) ▸	Ditanggung Kos sebenar yang dikenakan (tertakluk kepada had maksimum)		Ditanggung Kos sebenar yang dikenakan (tertakluk kepada had maksimum)	
• Rawatan Kanser Pesakit Luar • Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar ▸	RM5,000 Setiap bulan		RM5,000 Setiap bulan	
• Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar (dalam 60 hari dari tarikh keluar dari hospital) ▸	Ditanggung Kos sebenar yang dikenakan (tertakluk kepada had maksimum)		Ditanggung Kos sebenar yang dikenakan (tertakluk kepada had maksimum)	
• Cukai Kerajaan (SST) ▸	Peratusan semasa daripada perbelanjaan yang layak dibayar			
Had Maksimum setiap Kemasukan ke Hospital dan setiap mana-mana satu hilang upaya (dalam tempoh 90 hari) ▸	RM50,000	RM100,000	RM50,000	RM100,000
Had Tahunan Keseluruhan ▸	RM60,000	RM100,000	RM120,000	RM180,000

1 MUDAH DIGUNAKAN



Untuk Bantuan Pendaftaran dan Isi Borang
WhatsApp Ke :
017 - 9656 935
(Zul - Wakil Pemasaran)

Program Takaful CUEPACSCAREPlus membolehkan Penjawat Awam mendapatkan rawatan di hospital pakar swasta dengan mudah dan pantas. Penjawat Awam boleh mendapatkan kemudahan tanpa tunai bagi kemasukan ke hospital panel melalui Pusat Khidmat Tuntutan CuepacsCare 24 Jam.



Hubungi hospital panel terdekat atau rujuk mana-mana panel yang tersenarai. Bantuan tersedia 24-jam.



Kemukakan kad CUEPACSCAREPlus semasa pendaftaran untuk diterima masuk dan menerima rawatan yang diperlukan.



Anda boleh pulang selepas rawatan tanpa perlu bimbang mengenai bil hospital. CUEPACSCAREPlus akan pastikan bil hospital dilangsaikan mengikut pelan.

Cara Penggunaan Kad CUEPACSCAREPlus Di Hospital Panel

Anda hanya perlu mengemukakan Kad CUEPACSCAREPlus semasa hadir ke panel hospital pakar swasta untuk rawatan penghospitalan. Surat jaminan akan dikeluarkan untuk rawatan penghospitalan yang dilindungi melalui Program CUEPACSCAREPlus. Untuk peserta baru, terdapat penyakit yang dikecualikan daripada perlindungan termasuk penyakit khusus yang telah dihidapi dalam masa 120 hari pertama dan tempoh menunggu selama 30 hari.

Semasa mendaftar masuk hospital

Kemukakan kad CUEPACSCAREPlus dan kad pengenalan untuk pengesahan

Permohonan untuk mendapatkan surat jaminan akan dilakukan oleh pihak hospital.

Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan sewaktu membuat permohonan.

✓ *Surat jaminan akan dikeluarkan, jika penyakit yang dihidapi dilindungi sijil

✗ *Surat jaminan tidak akan dikeluarkan, jika penyakit yang dihidapi tidak dilindungi sijil atau doktor tidak dapat mengesahkan jenis penyakit (diagnosis)

Semasa urusan keluar hospital

Bil hospital akan dihantar kepada Pentadbir Pihak Ketiga (TPA) untuk diteliti

Pihak TPA akan meneliti kos rawatan dan mengeluarkan arahan bayaran mengikut Sijil Takaful

Anda hanya perlu membuat bayaran tambahan kepada hospital (jika ada) atau untuk rawatan yang tidak dilindungi oleh sijil

*Tertakluk kepada terma dan syarat

Pusat Khidmat Tuntutan CuepacsCare 24 Jam

Pusat Khidmat Tuntutan CuepacsCare berkhidmat 24 jam khas untuk peserta mendapatkan sebarang maklumat berkaitan manfaat perlindungan, pengeluaran surat jaminan kemasukan ke hospital dan proses tuntutan semasa discaj.

Bantuan Dihujung Jari Anda

03-3374 6268

CUEPACSCAREPlus menyediakan Pusat Khidmat Tuntutan 24 jam untuk memudahkan segala proses tuntutan.

Senarai Hospital Panel CUEPACSCAREPlus

Kad CUEPACSCAREPlus diterima di lebih 70 panel hospital pakar swasta di seluruh negara. Kemampuan membayar bil perubatan semasa kecemasan tidak lagi menjadi satu kebimbangan.

Selangor

- Columbia Asia Hospital Bukit Rimau
- Kajang Plaza Medical Centre
- Kelana Jaya Medical Centre
- KPJ Ampang Puteri Specialist Hospital
- KPJ Damansara Specialist Hospital
- KPJ Kajang Specialist Hospital
- KPJ Klang Specialist Hospital
- KPJ Rawang Specialist Hospital
- KPJ Selangor Specialist Hospital
- Bukit Tinggi Medical Centre
  (Dahulu dikenali sebagai Manipal Hospitals Klang)
- Pantai Hospital Klang
- Sentosa Specialist Hospital
- Sri Kota Specialist Medical Centre
- Sunway Medical Centre
- Thomson Hospital Kota Damansara

Kuala Lumpur

- Al-Islam Specialist Hospital
- Damai Service Hospital (HQ)
- Hospital Pusrawi
- KPJ Sentosa Medical Centre
- KPJ Tawakkal Specialist Hospital
- Lourdes Medical Centre
- Pantai Cheras Medical Centre
- Pantai Hospital Ampang
- Taman Desa Medical Centre
- Tung Shin Hospital
- UKM Specialist Hospital

Melaka

- Pantai Hospital Ayer Keroh
- Putra Specialist Hospital (Melaka)

Negeri Sembilan

- Columbia Asia Medical Centre Seremban
- KPJ Seremban Specialist Hospital
- N.S Chinese Maternity Hospital

Johor

- Hospital Penawar
- KPJ Bandar Maharani Specialist Hospital
- KPJ Batu Pahat Specialist Hospital
- KPJ Johor Specialist Hospital
- KPJ Kluang Utama Specialist Hospital
- KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital
- KPJ Puteri Specialist Hospital (Johor)
- Pantai Hospital Batu Pahat
- Putra Specialist Hospital (Batu Pahat)

Perak

- Apollo Medical Centre
- Columbia Asia Hospital Taiping
- Hospital Fatimah
- KPJ Ipoh Specialist Hospital
- KPJ Sri Manjung Specialist Hospital
- KPJ Taiping Medical Centre
- Pantai Hospital Ipoh
- Perak Community Specialist Hospital
- Yet Kai Hospital

Pulau Pinang

- Hope Children Hospital
- KPJ Penang Specialist Hospital
- Penang Adventist Hospital
- Hospital Lam Wah Ee

Kedah

- Pantai Hospital Laguna Merbok
- Kedah Medical Centre
- Pantai Hospital Sungai Petani

Perlis

- KPJ Perlis Specialist Hospital

Kelantan

- Kota Bharu Medical Centre
- KPJ Perdana Specialist Hospital

Terengganu

- Kuala Terengganu Specialist Hospital

Pahang

- Darul Makmur Medical Centre
- KPJ Pahang Specialist Hospital
- Kuantan Medical Centre

Sabah

- KPJ Sabah Specialist Hospital
- Rafflesia Medical Centre

Sarawak

- Bintulu Medical Centre
- Columbia Asia Medical Centre Miri
- KPJ Kuching Specialist Hospital
- KPJ Sibu Specialist Medical Centre
- Rejang Specialist Hospital
- Normah Medical Specialist Centre
- Timberland Medical Centre

Nota: Kemaskini Februari 2022
Layari www.cuepacscareplus.my



RM100 sehari

Elaun Tunai Harian Di Hospital Kerajaan

Rawatan di hospital BUKAN PANEL juga dilindungi, anda perlu bayar kos rawatan terlebih dahulu dan buat tuntutan melalui Pusat Khidmat Tuntutan CuepacsCare 24 Jam.





Perlindungan 24 JAM semasa KECEMASAN Di Seluruh DUNIA

2 MELINDUNGI INDIVIDU DAN SEISI KELUARGA

CUEPACSCAREPlus menawarkan pelan perlindungan yang komprehensif dan menepati keperluan semasa Penjawat Awam, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Pelan CUEPACSCAREPlus

CUEPACSCAREPlus menawarkan dua jenis pelan iaitu Pelan Individu dan Pelan Keluarga.

Pelan Individu memberikan perlindungan kepada ahli sahaja manakala perlindungan Pelan Keluarga meliputi ahli, pasangan dan anak-anak.

CUEPACSCAREPlus merupakan satu-satunya program takaful yang memberi perlindungan kepada semua anak tanpa had bilangan termasuk anak angkat dan anak tiri melalui satu pelan keluarga.

PELAN INDIVIDU



PELAN KELUARGA



Had Umur Penyertaan

Penjawat Awam dan pasangan layak memohon dari umur 18 tahun hingga 59 tahun dan pembaharuan boleh dilanjutkan sehingga umur 70 tahun. Anak pemohon dilindungi dari umur 30 hari hingga 18 tahun dan perlindungan akan dilanjutkan sehingga 22 tahun jika belum berkahwin dan masih belajar sepenuh masa.

Pemohon dan Pasangan

Memohon dari umur
18 tahun – **59** tahun

pembaharuan akan dilanjutkan SEHINGGA
70 tahun

Anak Pemohon

Dilindungi dari umur
30 hari – **18** tahun

perlindungan akan dilanjutkan SEHINGGA
22 tahun
(Jika belum berkahwin dan masih belajar sepenuh masa.)

3 MANFAAT KOMPREHENSIF

Program Takaful CUEPACSCAREPlus memberi perlindungan yang komprehensif untuk kos rawatan dari pra penghospitalan, penghospitalan dan rawatan susulan untuk semua Penjawat Awam serta ahli keluarga.

Skop Perlindungan



PERKHIDMATAN DIAGNOSIS PRA PENGHOSPITALAN

Pembayaran balik caj rundingan doktor pakar dan kos perkhidmatan diagnostik pra penghospitalan dan ujian makmal yang perlu dari segi perubatan yang dijalankan di hospital untuk tujuan diagnosis disebabkan oleh kecederaan atau penyakit yang berkaitan dengan hilang upaya dalam tempoh 60 hari sebelum kemasukan hospital.

PENGHOSPITALAN

Dimasukkan ke hospital sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk rawatan yang perlu dari segi perubatan bagi ketidakupayaan yang dilindungi atas nasihat pakar perubatan.

RAWATAN SUSULAN SELEPAS PENGHOSPITALAN

Pembayaran balik caj yang berpatutan dan lazim yang ditanggung untuk rawatan susulan termasuk ubat-ubatan yang perlu dari segi perubatan dalam tempoh 60 hari selepas keluar dari hospital.

JENIS RAWATAN YANG DILINDUNGI

Jenis Rawatan	Kemasukan Wad	Pesakit Luar & Rawatan Harian
• Kemalangan	✓	✓
• Pembedahan	✓	✓
• Rawatan Dialisis Buah Pinggang	✓	✓
• Rawatan Kanser	✓	✓
• Penyakit	✓	✗

✓ Dilindungi ✗ Tidak Dilindungi

Program ini melindungi peserta yang memerlukan rawatan dan dimasukkan ke wad, pesakit luar atau pembedahan harian akibat kemalangan, pembedahan, rawatan dialisis pesakit luar dan rawatan kanser pesakit luar.

Untuk rawatan penyakit, CUEPACSCAREPlus melindungi peserta yang memerlukan rawatan dan dimasukkan ke wad sahaja.

PENGECUALIAN

Sijil Takaful ini tidak melindungi sebarang Penghospitalan, Pembedahan atau bayaran yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu (1) kejadian berikut:

1. Penyakit sedia ada.
2. Penyakit tertentu yang telah dihidapi dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama perlindungan.
3. Tempoh menunggu selama tiga puluh (30) hari bagi semua kecuali kecederaan kemalangan.
4. Pembedahan pilihan kosmetik atau plastik termasuk tetapi tidak terhad kepada dua kelopak mata, jerawat, keloid, parut, tag kulit, alopecia/keguguran rambut yang tersebar atau rawatan komplikasi mereka, kecuali pembedahan pembentukan semula yang diperlukan untuk memulihkan fungsi selepas kemalangan yang berlaku dalam tempoh perlindungan takaful.
5. Pemeriksaan mata, cermin mata, kanta sentuh dan semua jenis kanta dan prosedur pembedahan untuk pembetulan ralat refraktif mata dan penggunaan atau pemerolehan peralatan prostetik atau alat pembetulan luaran seperti anggota tiruan, alat bantu pendengaran, perentak yang diimplankan, aerochambers dan peralatan semburan (nebulizing), pad ortopedik, dan preskripsinya.
6. Penyakit gigi termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali yang diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku dalam tempoh perlindungan takaful.
7. Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dan semua jenis rawatan yang diterima terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tetapi tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis hilang upaya yang dilindungi atau apa-apa rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh pakar perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.
8. Apa-apa rawatan atau penilaian untuk penyakit kongenital, keturunan atau tumbesaran, kecacatan, dan hilang upaya atau komplikasi yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada sista dermoid, haemangioma, hidrosele.
9. Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan pranatal atau selepas bersalin, serta apa-apa pembedahan kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan, menukar jantina, disfungsi seksual termasuk impotensi, ujian atau rawatan berkaitan pensterilan dan khatan yang dilakukan atas sebarang sebab.
10. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau sengaja mencederakan diri sendiri ketika siuman atau tidak siuman.
11. Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera.
12. Pengecualian Sekatan – Kami tidak akan memberikan perlindungan atau akan membuat apa-apa bayaran atau memberikan apa-apa perkhidmatan atau manfaat kepada anda atau tanggungan anda atau pihak lain sekiranya perlindungan, pembayaran, perkhidmatan, manfaat itu akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan.
13. Rawatan untuk sebarang keadaan perubatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung dari pencemaran radioaktif atau apa-apa bahan nuklear, termasuk pembakaran bahan api nuklear.
14. Perbelanjaan yang anda tanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya.
15. Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, imbasan PET, terapi sel stem, hiperhidrosis, terapi oksigen hiperbarik, gangguan psikiatri, psikotik, gangguan mental atau saraf, termasuk neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik, gangguan psikiatri seperti neuropsikosis, skizofrenia dan lain-lain.
16. Terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma.
17. Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak diperlukan atau yang dibayar oleh mana-mana pengendali takaful lain atau indemniti yang melindungi anda termasuk hilang upaya akibat daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Workmen's Compensation Takaful Contract.
18. Kos/perbelanjaan bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan, barang bukan perubatan lain yang tidak layak dan barang-barang yang tidak berkaitan secara langsung dengan rawatan perubatan hilang upaya.
19. Sakit atau Kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional, mendaki gunung dengan menggunakan tali atau panduan gunung.
20. Sakit atau kecederaan akibat daripada aktiviti yang tidak dibenarkan.
21. Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual yang mempunyai lesen untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
22. Dadah terlarang, mabuk, penyakit veneral dan sekuelenya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan Aids) dan penyakit berkaitan HIV, dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
23. Apa-apa rawatan yang berkaitan dengan tumbesaran yang lambat atau/dan ketidakupayaan pembelajaran.

Penyakit Khusus Yang Tidak Dilindungi Dalam 120 Hari Pertama

Penyakit-penyakit di bawah dan komplikasi yang berkaitan dengannya adalah dikecualikan daripada perlindungan jika ia berlaku kepada anda dalam masa 120 hari yang pertama:

a) Hipertensi, Diabetes Mellitus dan penyakit kardiovaskular
b) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem biliari
c) Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak
d) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele
e) Endometriosis termasuk penyakit sistem pembiakan
f) Gangguan spinal vertebro (termasuk diska) dan penyakit lutut

Penyakit Sedia Ada

Penyakit sedia ada terhad kepada hilang upaya yang tersedia ada sebelum tarikh perlindungan berkuatkuasa dan yang sewajarnya diketahui oleh anda. Anda boleh dianggap mempunyai pengetahuan sewajarnya terhadap penyakit sedia ada di mana anda telah mengalami salah satu keadaan yang berikut:

a) Anda telah atau sedang menerima rawatan
b) Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan
c) Gejala yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau
d) Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu

4 MAMPU DIMILIKI

Kadar sumbangan bulanan yang ditawarkan CUEPACSCAREPlus adalah rendah dan tidak membebankan Penjawat Awam walaupun manfaat perlindungan yang ditawarkan pelan ini telah dipertingkatkan bagi memberikan perlindungan yang lebih komprehensif.

Jadual Sumbangan Berdasarkan Jenis Pelan Dan Umur

Lingkungan Umur	PELAN INDIVIDU		PELAN KELUARGA	
	Manfaat A	Manfaat B	Manfaat A	Manfaat B
18 - 59 tahun	RM53.00	RM117.00	RM150.00	RM234.00
60 - 70 tahun	* Pembaharuan sahaja			

- Perlindungan hanya berkuatkuasa lima belas (15) hari selepas sumbangan pertama diterima daripada CUEPACS dan bukan dari tarikh potongan pertama.
- Permohonan baharu adalah melalui sumbangan bulanan sahaja.
- *Pembaharuan akan dilanjutkan sehingga umur 70 tahun melalui sumbangan tahunan sahaja. Sila layari www.cuepacscareplus.my untuk mendapatkan kadar sumbangan tahunan terkini.

Contoh: Kadar sumbangan bulanan individu berumur 30 tahun sekiranya memilih pelan individu atau keluarga.

Pelan & Manfaat		Jumlah Sumbangan Bulanan (RM)	Yuran TPA (RM)	Yuran Wakalah 22.5% (RM)	Tabarru' (RM)
Individu	A	53.00	1.60	11.93	39.47
	B	117.00	1.60	26.33	89.07
Keluarga	A	150.00	4.60	33.75	111.65
	B	234.00	4.60	52.65	176.75

1. Sumbangan akan berubah setiap tahun berdasarkan pengiraan untung-rugi selama 12 bulan, kadar inflasi perubatan dan faktor-faktor lain yang berkenaan.
2. Sumbangan adalah berdasarkan umur semasa pada setiap ulang tahun sijil.
3. Yuran wakalah kepada FWD Takaful Berhad sebanyak 22.5% akan dipotong daripada jumlah sumbangan yang dibayar.
4. Di samping itu, yuran TPA bulanan juga akan dipotong daripada jumlah sumbangan yang dibayar. Yuran TPA bulanan untuk pelan individu adalah RM1.60 dan pelan keluarga adalah RM4.60.

Nota-nota Penting

Program ini diuruskan oleh FWD Takaful Berhad (731530-M), Pengendali Takaful yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan beribu pejabat di Tingkat 29, Menara Shell, No.211, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia. Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barang dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh sijil ini akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma sijil ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.

Maklumat Lanjut

Untuk maklumat lanjut berkenaan dasar produk Perubatan dan Kesihatan Takaful, sila layari laman web kami di www.cuepacscareplus.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami.

Anda dinasihati supaya meneliti Sijil Induk/Jadual Sijil Takaful dan dokumen keterangan produk berkenaan Program Takaful CUEPACSCAREPlus untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi sebelum menyertai program ini. Anda harus yakin bahawa program ini adalah terbaik untuk keperluan anda dan anda mampu membiayai jumlah sumbangan yang tertera di dalam sijil tersebut.

5 MUDAH DISERTAI

CUEPACSCAREPlus mudah disertai oleh semua peringkat Penjawat Awam.

- Sumbangan bulanan melalui potongan gaji Biro Angkasa.
- Tiada had bilangan anak melalui pelan keluarga
- Bantuan penyertaan melalui talian Pusat Khidmat Pelanggan 03-3371 4248

MUAT TURUN BORANG

Cara Penyertaan

1. Lengkapkan borang permohonan dan Borang BPA 1/79.
2. Sertakan salinan slip gaji terkini dan kad pengenalan (pemohon sahaja).
3. Poskan ke alamat:

Medicare Assistance Sdn Bhd
A-1-8, Pusat Perdagangan Intania, Jalan Intan 1/KS1,
Persiaran Raja Muda Musa, 41200 Klang, Selangor
TEL: 03-3371 4248 FAKS: 03-3371 4258
E-MEL: c_service@medicare.org.my
WEB: www.mycuepacscare.my

Untuk Bantuan Pendaftaran dan Isi Borang
WhatsApp Ke :
017 - 9656 935
(Zul - Wakil Pemasaran)

MediCare
YOUNG OR OLD, WE INSURE THEM ALL

...Kerana Kesejahteraan, Warga Penjawat Awam Dihargai